

E-buku untuk Masa Hadapan

Oleh **RADIAH YUSOFF**

Bengkel Membentuk dan Menerbitkan E-buku dianjurkan oleh Pusat Pembangunan Kecemerlangan Akademik dan Pembangunan Pelajar (CDAE), Universiti Sains Malaysia (USM), pada 5 Mac 2018 yang lalu. Bengkel ini dihadiri oleh lebih kurang 20 orang staf universiti itu.

Prof. Abd. Karim Alias, pengarah CDAE, bertindak sebagai fasilitator bengkel. Beliau menerbitkan e-buku pertamanya, *Musings on Learning: Random Thoughts on Education and Learning*, di Amazon.com. Versi Kindle diterbitkan pada 27 Disember 2016, manakala versi kulit lembut diterbitkan pada 10 Februari 2017.

Selain itu, Abd. Karim juga menulis sebuah e-buku, yang boleh didapati secara percuma, bersama-sama dua orang penulis lain, iaitu Zainal Arifin Ahmad dan See Ching Mey. E-buku, yang bertajuk *The Quest for Teaching Excellence*, ini diterbitkan oleh CDAE USM pada tahun 2012.


Bengkel Membentuk dan Menerbitkan E-buku diadakan untuk membolehkan peserta memahami cara e-buku berfungsi dan berupaya untuk menjangkan pendapatan pasif. Fasilitator menceritakan kejayaan seorang penulis e-buku menjangkan

pendapatan pasif yang lumayan melalui penerbitannya dalam pasaran Malaysia. Penulis e-buku ini telah menghadiri bengkel terdahulu yang dikendalikan oleh Abd. Karim.

Bengkel ini turut mempunyai objektif untuk memilih dan menerbitkan e-buku yang ingin dibaca oleh masyarakat. Penulis yang berjaya itu pesyarah kejuruteraan, tetapi e-bukunya yang dipasarkan mengisahkan pengalamannya menyempurnakan pengajian doktor falsafah dengan jayanya. E-buku ini ditulis dalam bahasa Melayu. Beliau sedar bahawa e-bukunya itu mempunyai permintaannya yang tersendiri dalam kalangan pelajar pascasiswazah tempatan.

Selain itu, e-buku ilmiah tentang kepakarannya turut mendapat perhatian pembaca yang memerlukan bahan rujukan dalam bahasa Melayu. Dengan kata lain, penulis ini mengenal pasti topik dan sasaran pembacanya lebih dahulu sebelum menulis dan menerbitkan kedua-dua buah e-buku tersebut.

Abd. Karim juga menunjukkan cara untuk memformatkan e-buku daripada MSword, secara pantas dan betul, kepada bentuk yang mesra pembaca, seperti EPUB dan MOBI. Pembaca e-buku ini bukan



Kulit e-buku Prof. Abd. Karim Alias.

merujuk orang yang membacanya, tetapi peranti atau program yang digunakan untuk membacanya melalui komputer, telefon bimbit, i-Pad dan tablet. Aspek ini penting kerana bentuk yang mesra pembaca dapat menarik lebih banyak orang untuk memiliki e-buku, selain buku fizikal tradisional, kerana e-buku dapat disimpan dalam komputer dan peranti, dan mudah untuk dibawa ke mana-mana.

Fasilitator turut menunjukkan cara untuk menghasilkan kulit buku yang dapat menarik perhatian pembaca dan yang berkualiti tinggi. Untuk

“**Pada akhir bengkel, Abd. Karim mencabar setiap peserta agar menulis dan menerbitkan sebuah e-buku yang mempunyai sekurang-kurangnya 20 halaman dalam sebarang topik dan genre.**”

Foto: Dr. Ahmad Amin Mohamad

Prof. Abd. Karim Alias berkongsi ilmu dengan peserta bengkel.

memformatkan e-buku dan menghasilkan kulitnya, Abd. Karim berkongsi beberapa alatan percuma yang dapat diperoleh melalui internet, seperti Calibre (<https://calibre-ebook.com/>) dan Canva (<https://www.canva.com/>).

Cara untuk menerbitkan e-buku di Amazon.com dengan menggunakan antara muka jejaring yang dapat diperoleh di https://kdp.amazon.com/en_US/ dan cara untuk menjual e-buku secara dalam talian dengan menggunakan platform antarabangsa, selain Amazon.com, seperti Google Play, dan platform tempatan seperti di <https://www.e-sentral.com/>, juga ditunjukkan. Abd. Karim turut berkongsi maklumat tentang cetakan mengikut permintaan, hak cipta, nombor ISBN dan pengiklanan e-buku.

Yang dikongsi juga ialah cabaran yang dilalui semasa beliau ingin menerbitkan e-buku di Amazon.com, seperti kegagalan untuk memuat naik e-buku kerana tidak melakukan pengesahan dengan menggunakan aplikasi alatan tertentu, seperti Calibre. Beliau terpaksa mencari punca

kegagalan tersebut dan cara untuk mengatasinya.

Menurut Abd. Karim, banyak perkara yang dikongsi dalam bengkel itu diperoleh melalui pengalaman yang dilaluinya sebagai penulis e-buku dan individu yang gemar untuk menerapkan kaedah inovatif yang berteraskan teknologi dan internet untuk berkongsi ilmu, sama ada ilmu yang berbentuk ilmiah ataupun ilmu yang bukan ilmiah. “Banyak kaedah cuba-cuba,” katanya.

Pada akhir bengkel, Abd. Karim mencabar setiap peserta agar menulis dan menerbitkan sebuah e-buku yang mempunyai sekurang-kurangnya 20 halaman dalam sebarang topik dan genre.

Walaupun bengkel ini kelihatan tidak tertumpu pada bidang bahasa Melayu dan linguistik, ada banyak unsur yang dapat diterapkan dalam usaha untuk menghasilkan e-buku yang menggunakan bahasa Melayu. Sebagai contohnya, pesyarah sintaksis dapat menghasilkan e-buku setebal 20 halaman tentang pemerian ayat selapis bahasa

Melayu dengan menggunakan kerangka skema X-berpalang. Guru Bahasa Melayu pula dapat menghasilkan e-buku tentang binaan dan pengenalpastian subjek dan predikat dalam ayat kompleks bahasa Melayu. Penulis bacaan umum dapat menghasilkan e-buku berfoto tentang keindahan dan sejarah Taman Tasik Taiping, taman awam pertama dalam sejarah pemerintahan British di Tanah Melayu.

Bengkel e-buku ini juga mempunyai versi kursus dalam talian (<https://learning4life.usm.my/courses/e-book-publishing-for-beginner>). Pelajar hanya perlu mendaftar di <https://learning4life.usm.my/> untuk mengikuti kursus ini, yang berlangsung selama satu jam dan dijalankan mengikut waktu pilihan pelajar.

Dengan cara ini, USM, khususnya Abd. Karim, kumpulan CDAE, dan Kumpulan Pembelajaran Dalam Talian Mikrokelayakan berharap agar setiap individu berjaya mendapat kelayakan untuk membentuk dan menerbitkan e-buku selepas mengikuti kursus ini. **UB**